



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2024 MALAYSIA MADANI KEMENTERIAN KERJA RAYA

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya menyambut baik pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang mendukung wawasan Ekonomi MADANI yang dirangka untuk membina semula negara supaya gemilang, terangkum dan mampan. Ini asas penting untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara melalui penstrukturan semula ekonomi demi meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia.

Bagi Kementerian Kerja Raya (KKR), kita amat bersyukur dan berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri, kerana kesemua inisiatif yang dicadangkan oleh KKR telah dipersetujui dan dibentangkan dalam Belanjawan 2024, malahan terdapat tambahan peruntukan berbanding yang dicadangkan dan ini adalah cerminan keprihatinan Kerajaan dalam merealisasikan hasrat meningkatkan darjat hidup rakyat melalui penyediaan Kemudahan Asas Bertaraf Dunia.

Secara keseluruhan, KKR menerima **RM9.511 bilion peruntukan bagi tahun 2024**, iaitu **kenaikan 12.7%** berbanding RM8.439 bilion yang diterima pada tahun 2023. Jumlah **bajet mengurus** KKR yang diluluskan adalah sebanyak **RM949.37 juta** iaitu **kenaikan sebanyak 9.72%** berbanding RM865.27 juta yang diterima untuk tahun 2023. Manakala **bajet pembangunan** tahun 2024 yang diluluskan adalah sebanyak **RM8.561 bilion** berbanding RM7.573 bilion pada tahun 2023 dengan **kenaikan sebanyak 13.05%**.

Setakat Ogos 2023, lebih 4,100 jalan berlubang di Jalan Persekutuan telah dikenal pasti dan dibaik pulih. Kerajaan komited memastikan tindakan diambil dalam tempoh 24 jam setelah menerima aduan jalan berlubang di Jalan Persekutuan.

Justeru, bagi memastikan jalan raya dalam keadaan terbaik untuk kegunaan rakyat, sebanyak RM2.8 bilion disediakan untuk menyelenggara jalan dan jambatan persekutuan selari hasrat KKR untuk terus memperkasakan Kempen MYJalan KKR.

Sebanyak RM300 juta pula dikhususkan kepada kontraktor kecil Bumiputera G1 hingga G4 yang layak dan berdaftar dengan CIDB melalui Kerja Undi dan Arahan Kerja bagi mengelakkan kesenjangan peluang dan turut memperbaiki ruang pembangunan semula kemampuan kontraktor untuk terus berdaya saing dalam era revolusi industri.

Khidmat Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) akan terus diperkasa bagi menangani aduan kecil dan luar jangka melibatkan Jalan Persekutuan dalam kadar segera. Kerajaan akan meningkatkan peruntukan kepada RM200 ribu berbanding RM100 ribu kepada 115 jurutera daerah dengan peruntukan keseluruhan RM30 juta.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bagi menambahbaik aspek kejuruteraan, RM100 juta disediakan bagi menyelenggara lampu jalan termasuk menggantikan kepada jenis LED yang dapat menjimatkan elektrik sehingga 60%. Sebanyak RM50 juta juga disediakan untuk merawat kawasan berkemalangan tinggi antaranya menaik taraf lampu isyarat sedia ada kepada lampu isyarat pintar di Jalan Persekutuan yang turut membantu mengurai kesesakan laluan trafik.

Ketersambungan jaringan jalan yang baik memudahkan pergerakan rakyat di samping melancarkan aktiviti para pedagang dan menjana ekonomi setempat. Projek-projek infrastruktur utama jalan raya akan terus diperhebat seperti Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang bakal siap sepenuhnya tahun hadapan. Sementara itu, proses tender bagi 19 pakej kerja untuk projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1B dengan jajaran 366kilometer melibatkan kos RM15.7 bilion akan diselesaikan bulan November ini. Projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) Fasa 2 dengan jajaran lebih 320kilometer melibatkan kos hampir RM7.4 bilion juga mula dilaksanakan penghujung tahun ini.

Mengambil kira keperluan peningkatan kenderaan, projek pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) daripada empat kepada enam lorong dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam, Johor dengan kos RM931 juta sepanjang 18 kilometer. Dengan siapnya pembinaan lorong tambahan ini, ia dapat mempertingkatkan keselamatan dan keselesaan kepada rakyat dengan penjimatan masa sehingga 25 minit daripada 40 minit tempoh masa perjalanan sedia ada serta mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

Kerajaan komited dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan bagi mengekang tragedi tanah runtuh, Kerajaan menyediakan RM563 juta bagi pembaikan cerun seluruh negara termasuk untuk program pemantauan, pencegahan dan pelaporan serta amaran awal melibatkan lebih 2,000 cerun yang berisiko tinggi.

KKR menyasarkan matlamat untuk membangunkan negara secara mampan yang mana menerusi inisiatif Belanjawan 2024 ini ia akan menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan serta pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Belanjawan 2024 merupakan langkah awal dalam perjalanan pembaharuan Malaysia ke arah mencapai Ekonomi MADANI dan bagi memastikan kejayaannya, ia memerlukan pendekatan seluruh warga Malaysia yang terdiri daripada Rakyat, Kerajaan dan Industri yang disulami dengan semangat perpaduan, tatakelola yang baik (mambanteras rasuah) serta sistem penyampaian awam yang tangkas dan kolaboratif.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
14 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur